

# 'Hasilkan makanan sendiri'

**SERDANG** 21 Nov. – Malaysia perlu berusaha mengeluarkan bekalan makanannya sendiri untuk menampung keperluan negara dalam jangka masa panjang, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, memastikan negara memunyai bekalan makanan sendiri yang mencukupi adalah sangat penting dari segi sekuriti makanan dan juga keutuhan politik.

Malangnya, kata beliau, apa yang berlaku sekarang agak kontradik apabila arah aliran import produk makanan telah menjadi agak tinggi sejak kebelakangan ini.

"Pada 2005, jumlah bahan makanan yang diimport menjangkau RM17.8 bilion manakala eksport hanyalah RM10.6 bilion.

"Ini menyebabkan Malaysia mengalami defisit dalam imbalan dagangan makanan," kata Muhyiddin.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis perasmian Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2006 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia di sini hari ini yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Muhyiddin berkata, usaha-usaha akan terus dibuat untuk mempertingkatkan bekalan makanan di samping memastikan ia mudah diperolehi, tidak terlalu mahal, berkualiti tinggi dan selamat dimakan.

UM-22/11/2006  
Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, masih belum terlewat bagi masyarakat tani mengubah mentaliti mereka yang selama ini hanya mengutamakan pengeluaran bagi memenuhi keperluan sendiri dan hanya akan menjualnya jika ada lebihan hasil pertanian.

Beliau berkata, pegangan hidup seperti itulah yang telah membelenggu seseorang petani dalam kemiskinan.

"Belum terlewat lagi bagi masyarakat tani mengubah mentaliti dan pegangan tersebut. Mereka perlu yakin bahawa aktiviti pertanian bukan sekadar pekerjaan yang hanya untuk memenuhi keperluan sara hidup tetapi satu perniagaan untuk menjana kekayaan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan pesat sektor pertanian di dunia pada masa ini, sektor pertanian negara sepatutnya telah beralih daripada pertanian tradisional rendah kepada pengeluaran yang berproduktiviti tinggi, bersepadu dan ber teknologi moden.

Katanya, usaha-usaha perlu ditumpukan kepada pembangunan teknologi baru terutama dalam pembiakan genetik, pembangunan produk, bioteknologi dan amalan agronomi moden.

Ia juga perlu melibatkan penyertaan syarikat swasta secara komersial dalam skala sederhana dan besar.

"Hanya dengan cara ini hasrat kerajaan untuk menjadi pengeluar makanan utama dan mengurangkan kebergantungan import akan menjadi kenyataan," katanya.